

SULIT



IKALAM KECEMERLANGAN SPM SABK 2026

NAMA: _____

KELAS: _____

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026

SEJARAH

KERTAS 1

1 jam

1249/1

Satu jam



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak

- 1 Apakah kepentingan meminum air sumpah dalam kalangan rakyat kerajaan Srivijaya?
- A Menjamin adat warisan
 - B Menunjukkan taat setia
 - C Mempertahankan pembesar
 - D Mengawal undang-undang

- 2 Mengapakah waadat antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun dilakukan?
- A Peristiwa Sungkit Berdarah
 - B Perluasan kawasan taklukan
 - C Pendirian golongan pemerintah
 - D Perjanjian hubungan timbal balik

- 3 Berikut adalah cukai yang dikenakan oleh British di Amerika pada abad ke-18.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Akta Pelayaran• Akta Gula• Akta Setem |
|---|

Bagaimanakah tindakan rakyat Amerika terhadap British?

- A Menentang cukai tanpa perwakilan
 - B Menolak konsep raja berkuasa mutlak
 - C Menggubal undang-undang baharu
 - D Menggulingkan Raja Louis XVI
- 4 Gerakan nasionalisme telah membuatkan rakyat menghasilkan novel, cerpen dan puisi. Apakah impak penulisan tersebut?
- A Memperkuat angkatan tentera
 - B Mengawal keamanan dalam negeri
 - C Membangkitkan kesedaran kebangsaan
 - D Menghapuskan sistem pemerintahan tradisional




- 5 Bagaimanakah golongan "*the Strait born people*" berusaha membentuk identiti tersendiri di Tanah Melayu?
- A Mementingkan perpaduan kaum
 - B Menamatkan hubungan diplomatik
 - C Menggalakkan rakyat berniaga
 - D Mengajar Bahasa Inggeris
- 6 Jadual berikut berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

Pakatan	Negara Anggota
Kuasa Tengah	Jerman, Austria-Hungary, Uthmaniyah
Pakatan Bertiga	Britain, Perancis, Rusia, Serbia dan Portugal

Apakah kesan tertubuhnya pakatan ketenteraan tersebut?

- A Pengasingan kuasa pemerintah
 - B Penghasilan senjata moden
 - C Kemunculan negara baharu
 - D Kegagalan Liga Bangsa-bangsa
- 7 Gambar menunjukkan akhbar Semangat Asia yang diterbitkan oleh Jepun di Tanah Melayu.



Apakah tujuan Jepun menerbitkan akhbar tersebut?

- A Menyokong gerakan komunis
- B Mengukuhkan kuasa bangsawan
- C Menyekat akhbar penulis tempatan
- D Menyebar semangat antipenjajah Barat



- 8 Maklumat berikut berkaitan tugas Pentadbiran Tentera British di Tanah Melayu.

- Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- Memulihkan kepercayaan rakyat

Apakah cabaran dalam melaksanakan tugas tersebut?

- A Kesukaran membawa masuk jentera
 - B Kenaikan harga barangan mentah
 - C Kemaraan tentera Jepun di utara
 - D Kawalan Pesuruhjaya Tinggi British
- 9 Gabungan PUTERA dan AMCJA membantah keputusan Jawatankuasa Kerja dalam memperkenalkan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1948. Mengapakah mereka membantah perlembagaan tersebut?
- A Kebebasan bersuara disekat
 - B Perlembagaan tidak demokratik
 - C Perhimpunan hartal tidak diluluskan
 - D Fahaman politik yang berbeza
- 10 Maklumat berikut berkaitan permohonan kewarganegaraan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Rakyat Raja
- Rakyat British

Bagaimanakah seseorang boleh menjadi warganegara tersebut?

- A Secara pendaftaran
- B Kuat kuasa undang-undang
- C Bermastautin selama 20 tahun
- D Diperkenan oleh Majlis Raja-raja


- 11 Ideologi komunis dibawa masuk ke negara kita pada tahun 1920-an melalui China. Apakah pertubuhan yang membawa masuk ideologi tersebut?
- A Parti Kuomintang
 - B Parti Komunis Indonesia
 - C The Communist International
 - D Persatuan Orang Cina Peranakan
- 12 Undang-undang Darurat telah dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948. Mengapakah undang-undang tersebut dikuatkuasakan?
- A Melakukan penjajahan baharu
 - B Membanteras ancaman komunis
 - C Menangkap kumpulan anti-British
 - D Menghapuskan pengaruh Jepun
- 13 Maklumat berikut berkaitan langkah yang diambil dalam mencapai status berkerajaan sendiri pada Januari 1949.

Menghimpunkan pemimpin utama pelbagai kaum di Tanah Melayu.

Apakah peristiwa yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Penubuhan Parti Kaum Malaya
 - B Penubuhan Persatuan Tanah Melayu
 - C Penubuhan Persatuan Hubungan Antara Kaum
 - D Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- 14 Setiap ahli yang dilantik mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja. Siapakah yang melantik 'Ahli' dalam Sistem Ahli?
- A Ketua Menteri
 - B Gabenor Jeneral
 - C Pesuruhjaya Tinggi British
 - D Majlis Perundangan Persekutuan

- 15 Mengapakah Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan?
- A Meluluskan lambang parti calon
 - B Mengendalikan kempen pilihan raya
 - C Menjalankan pendaftaran parti politik
 - D Menentukan kawasan pilihan raya
- 16 Bagaimanakah kuasa Pesuruhjaya Tinggi dikurangkan selepas terbentuknya kabinet pertama di Persekutuan Tanah Melayu 1955?
- A Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
 - B menguatkuasakan Parlimen Malaya
 - C Membatalkan hak dan kuasa veto
 - D Menggunakan model Westminster
- 17 Gambar berikut menunjukkan tokoh yang mengetuai Suruhanjaya Reid yang dibentuk pada 8 Mac 1956.



Lord Reid

Apakah peranan beliau?

- A Mencadangkan tarikh kemerdekaan
- B Melantik pegawai pentadbiran baharu
- C Menganjurkan kongres kebangsaan
- D Merangka sebuah perlembagaan



18 Antara berikut, yang manakah kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Kedudukan Bahasa Melayu
 - II Pengamalan Raja Berperlembagaan
 - III Penguatkuasaan Mahkamah Atasan
 - IV Kedudukan adat istiadat orang Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19 Antara berikut, yang manakah peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara?

- I Menyediakan baju muskat
 - II Membina stadium
 - III Mencipta bendera
 - IV Menganjurkan kursus
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20 Maklumat berikut menunjukkan lambang kebangsaan yang dibentuk dalam menuju sebuah negara yang merdeka.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Jata negara• Lagu Negaraku• Bendera kebangsaan |
|--|

Apakah kesan daripada wujudnya lambang tersebut?

- A Memajukan ekonomi
B Mempunyai kerajaan
C Menjadi simbol perpaduan
D Mempunyai wilayah pengaruh

- 21 Kedaulatan sesebuah negara berkait rapat dengan kebebasan dan kemerdekaan. Apakah ciri-ciri yang menunjukkan sesebuah negara itu berdaulat?
- I Mempunyai sempadan
 - II Mempunyai kebebasan
 - III Mempunyai pembangunan
 - IV Mempunyai pemerintahan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 22 Penggubalan dasar luar Malaysia membawa pelbagai kepentingan kepada negara. Apakah kepentingan tersebut?
- I Meningkatkan taraf hidup
 - II Memupuk semangat perpaduan
 - III Menjalinkan hubungan diplomatik
 - IV Mempertahankan kedaulatan negara
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 23 Mengapakah Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak serta menjaga kepentingan sah kaum lain?
- A Menjamin kestabilan politik
 - B Meningkatkan ekonomi setempat
 - C Melicinkan urusan pentadbiran negara
 - D Mengukuhkan perpaduan antara kaum



- 24 Bagaimanakah peranan Yang di-Pertua Negeri Sabah menjalankan tanggungjawabnya dalam pentadbiran negeri?
- A Menjadi ketua agama Islam
 - B Merangka perbelanjaan negeri
 - C Mengikut nasihat Kabinet Negeri
 - D Meringankan hukuman kes tertentu
- 25 Gambar berikut ialah cap Mohor Besar Raja-Raja.



- Apakah kepentingan cap mohor tersebut?
- A Simbol ketua agama Islam
 - B Rakyat terlibat dalam pemerintahan
 - C Mengesahkan kerajaan pilihan rakyat
 - D Lambang kedaulatan Raja-raja Melayu
- 26 Maklumat berikut menunjukkan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kuasa perundangan.

Peranan	Negeri
X	Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan

Apakah X?

- A Ketua Agama Islam
- B Ketua pasukan polis
- C Melantik jawatan penting
- D Mengawal perbelanjaan kerajaan



27 Maklumat berikut berkaitan Senarai Persekutuan.

- Pertahanan
- Kewarganegaraan
- X
- Y

Apakah X dan Y?

- I Kerajaan tempatan
 - II Hal ehwal luar negeri
 - III Pentadbiran keadilan
 - IV Undang-undang adat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Maklumat berikut berkaitan kerjasama pembangunan sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

- FELDA
- FELCRA

Apakah ciri persamaan bagi kedua-dua agensi tersebut?

- A Membangunkan tanah
- B Meluaskan wilayah
- C Membuat perumahan
- D Menggalakkan perniagaan



- 29 Mengapakah British merancang penyatuan wilayah jajahannya di kawasan Asia Tenggara?
- I Perpaduan kaum diwujudkan
 - II Penguasaan dalam ekonomi
 - III Melicinkan pentadbiran negara
 - IV Mendapatkan kemerdekaan wilayah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 30 Apakah kelebihan kuasa yang diberi kepada Sarawak dan Sabah mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia?
- A Membina pusat pertahanan
 - B Menetapkan hubungan luar
 - C Menubuhkan kabinet negeri
 - D Meluluskan belanjawan negeri
- 31 Mengapakah negara kita berdepan dengan pelbagai cabaran dari dalam negara selepas Malaysia dibentuk?
- A Campur tangan kuasa barat
 - B Ancaman peperangan luar negara
 - C Kepelbagaian latar belakang kaum
 - D Sistem perundangan negara lemah

- 36 Mengapakah universiti awam dan swasta memberi penekanan kepada bidang sains, teknologi dan teknikal sejak abad ke-21?
- A Perkembangan bidang perindustrian
 - B Pembentukan kelas pertengahan
 - C Peningkatan jumlah penduduk
 - D Pengukuhan perpaduan kaum
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi asas penggubalan dasar luar Malaysia.

- Ikatan Sejarah
- Kepimpinan
- Persekitaran Luar
- X

Apakah X?

- A Kepentingan kedaulatan negara
 - B Keperluan barisan ketenteraan
 - C Pendirian pertubuhan serantau
 - D Pengaruh kuasa-kuasa besar
- 38 Maklumat berikut merupakan komitmen Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa.

Mendukung Piagam PBB

Mengapakah Malaysia memberi komitmen tersebut?

- A Menegakkan hak asasi manusia
- B Membezakan kaum dan jantina
- C Menarik golongan pendatang
- D Membenarkan serangan bersenjata



- 39 Gambar menunjukkan NGO yang terlibat dalam misi kemanusiaan.



Apakah bantuan yang diberikan oleh pertubuhan tersebut?

- A Membangunkan rumah anak yatim Babun Najah
 - B Membina pusat kesihatan dan perubatan di Aceh
 - C Melancarkan kempen pendidikan pelarian Syria
 - D Menyalurkan sumbangan orang ramai kepada Palestin
- 40 Mengapakah Malaysia berpendapat bahawa penerokaan di Antartika dijalankan secara tidak adil?
- A Diterokai secara bebas dan haram
 - B Dijalankan penyelidikan tanpa sekatan
 - C Dikunjungi tanpa mengikut garis panduan
 - D Didominasi oleh sebahagian kecil negara

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

